Tinjauan: Inflasi jangka panjang, pertengahan dijangka turun

Potensi perang dagang antara Amerika Syarikat dan China boleh jejas ramalan inflasi

JANGKAAN inflasi bagi tempoh jangka panjang dan pertengahan berkurangan berbanding tiga bulan lalu, walaupum masih terdapat potensi perang dagang antara Amerika Syarikat dengan ekonomi besar lain, terutama sekali China.

Itulah hasil tinjauan kumpulan pemikir Universiti Pengurusan Singapura (SMU) yang dikeluarkan semalam, menurut laporan *The Straits Times*.

Jangkaan median inflasi utama warga Singapura bagi tempoh setahun dari sekarang ialah 3.11 peratus bulan lalu, berbanding 3.43 peratus pada Mac lalu. Jangkaan lima tahun pula jatuh kepada 3.77 peratus daripada 4.15 peratus

sebelum itu. Laporan Institut Ekonomi Kewan-

gan Sim Kee Boon itu berkata bahawa langkah terkini bank pusat Singapura mengetatkan kewangan telah men-

gurangkan jangkaan inflasi, sementara keadaan pasaran pekerja yang semakin baik mungkin menjejas kadar inflasi memandangkan gaji lebih tinggi memberi kesan terhadap harea domestik.

Harga Sijil Hak Milik Kenderaan (COE) yang lebih murah mungkin juga mengurangkan jangkaan inflasi tanpa menjejas inflasi teras, memandangkan ukuran tersebut tidak termasuk kos perumahan dan pengangkutan swasta,

pertumanan dan pengangkutan swasta, tambahnya. Laporan tersebut juga memberi amaran bahawa normalisasi dasar kewangan Amerika Syarikat yang lebih cepat dari jangkaan mungkin mengurangkan ketidaktentuan pasaran global sambil memberi tekanan terhadap ekonomi berlandaskan import berikutan kenaikan harga minyak.

kan narga minyak. Dalam pada itu, perang dagang AS dan China boleh menjadi ancaman kepada ramalan inflasi. Penolong profesor bidang kewangan Aurobindo Ghosh, yang menerajui projek Dapatan Indeks Jangkaan Inflasi (Sindex) berkata:

"Risiko kepada perdagangan bebas dengan tarif unilateral atau balasan (retaliatory) yang dikenakan jelas membahayakan kestabilan harga dan ekonomi global.

"Dalam kajian akademik, bukti menunjukkan perubahan yang tidak dijangka dalam inflasi akan menjejas pasaran global, dan lama kelamaan, prospek pertumbuhan secara negatif.

"Justeru, normalisasi dasar kewangan yang disengajakan mungkin tidak berkesan dalam kes di mana terdapat faktor seperti dasar perlindungan yang boleh menjejas harga dan prospek pekerjaan dan ekonomi.

"Setakat ini, jangkaan inflasi warga Singapura cukup berasas selepas menyesuaikan terhadap kecenderungan

kelakuan, namun kita tidak boleh menidakkan kemungkinan peningkatan inflasi jika perang dagang antara ekonomi besar di dunia tidak dielakkan melalui rundingan."

Secara berasingan, tinjauan Penguasa Kewangan Singapura (MAS) Jun lalu oleh peramal profesional menunjukkan bahawa inflasi utama sepanjang tahun dijangka mencatat 0.8 peratus – lebih rendah daripada ramalan 1 peratus pada Mac – dan telah diramal meningkat kepada 1.5 peratus pada 2019.

Dalam pada itu, pengamat di sebuah forum keselamatan berkata perang dagang antara China dengan Amerika dijangka menjadi lebih buruk sebelum ia beransur pulih.

Sedang perbincangan di Forum Keamanan Dunia menunjukkan perbezaan pendapat yang ketara antara pengamat Amerika dan China berkenaan negara mana yang patut

menggalas tanggungjawab lebih besar, dapat diperhatikan ada juga persetujuan bagi cara menghuraikan perbezaan.

Misalnya, presiden Amerika Donald Trump dijangka mengenakan tarif ke atas barangan China lagi yang bernilai AS\$200 bilion (\$273 bilion), menurut pengerusi Eurasia Group Clifford Kupchan.

Katanya, keadaan pun dijangka menjadi lebih teruk apabila Kongres memberi jawatankuasa pelaburan asing di Amerika kuasa tambahan bulan depan, yang menyasarkan China khususnya.

Sungguhpun perang dagang Éncik Trump dan agenda membubarkan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) berpunca daripada pegangannya sendiri, Encik Kupchan and Profesor Paul Gewirtz dari Universiti Yale berkata China mengongsi kesannya kerana mendedahkan kekurangan WTO.